

BAHAN AUDIOVISUAL: KONSEP DAN PRINSIP ASAS

1. TUJUAN

Kertas ini disediakan bertujuan untuk memberikan pengetahuan asas mengenai bahan audiovisual bagi mendapatkan satu kefahaman supaya ia boleh diguna pakai di Arkib Negara Malaysia dalam penyediaan dasar, panduan dan sebagainya.

2. DEFINISI

2.1. Bahan Audiovisual

Bahan audiovisual adalah merujuk kepada gambar pegun, imej bergerak dan/atau bunyi yang dirakamkan di dalam filem, pita magnetik, cakera atau lain-lain medium yang digunakan pada masa ini dan akan datang termasuk bahan sokongannya.

2.2 Bahan Sokongan Audiovisual

Bahan sokongan audiovisual adalah merujuk kepada semua bahan yang mempunyai hubungan langsung dan/atau tidak langsung dengan media tersebut sama ada dari segi teknikal, industri, kebudayaan, sejarah dan sebagainya. Contoh bahan sokongan filem adalah seperti skrip, gambar, poster, bahan promosi, manuskrip, artifak dan kostum.

2.3 Arkib Audiovisual

Arkib audiovisual adalah merujuk kepada organisasi atau unit di sesebuah organisasi sama ada organisasi kerajaan, bukan kerajaan, komersil serta kebudayaan yang memberi tumpuan kepada kerja-kerja pengumpulan, pengurusan, pemeliharaan serta menyediakan

kemudahan rujukan dan penyelidikan ke atas bahan audiovisual dan bahan sokongannya.

3. CIRI-CIRI BAHAN AUDIOVISUAL

Terdapat empat (4) ciri bahan audiovisual, iaitu fizikal, kimiawi, intelektual dan format.

3.1. Ciri-ciri Fizikal

3.1.1. Kestabilan Tekanan Dalaman

Bahan audiovisual memerlukan tekanan dalaman yang stabil. Oleh itu, *carrier*nya direka khusus untuk membolehkan ia dilalukan menerusi sistem mekanikal tertentu mengikut format bahan audiovisual. Sistem mekanikal ini memberikan tekanan dalaman kepada *carrier* tersebut untuk menghasilkan bunyi dan imej. Sekiranya sistem mekanikal ini tidak dijaga kestabilannya dengan teliti, ia akan menjejaskan *carrier* audiovisual tersebut untuk menghasilkan bunyi dan imej yang baik.

3.1.2 Terdedah/Sensitif Kepada Kerosakan (*Vulnerabilities*)

Carrier bahan audiovisual terlalu rapuh (*fragile*) dan dalam jangka masa tertentu akan merosakkan fizikalnya. Ini seterusnya memendekkan jangka hayat *carrier* tersebut. Ini kerana bahan kimia yang terdapat dalam *carrier* bahan audiovisual akan bertindak balas sesama sendiri yang menyebabkan berlaku kemerosotan fizikal dan/atau 'mengurangkan' isi kandungannya.

3.1.3. Terdedah Kepada Kerosakan Mekanikal

Carrier bahan audiovisual akan terdedah kepada kerosakan mekanikal sekiranya ia dikendalikan secara tidak betul dan cuai. Contohnya, cakera padat mudah pecah, patah dan calar manakala filem dan pita rakaman mudah putus, berkedut dan calar.

3.2. Ciri-ciri Kimiawi

3.2.1. Sensitif Kepada Suhu Dan Kelembapan

Carrier audiovisual adalah sensitif kepada perubahan suhu dan kelembapan. Oleh itu, bagi menjamin kelangsungan hayatnya, ia perlu disimpan dalam persekitaran yang mempunyai suhu dan kelembapan yang sesuai dan stabil. *Carrier* bahan audiovisual mengandungi bahan-bahan organik dan ini menyebabkan ia mudah ditumbuhi kulat dan kulapuk sekiranya *carrier* terdedah kepada perubahan suhu dan kelembapan yang ketara. Pencemaran udara juga boleh menyebabkan berlaku kerosakan ke atas *carrier* bahan audiovisual.

Suhu yang sesuai dan stabil bagi bahan audiovisual seperti filem negatif, piring hitam, pita video dan filem positif adalah di antara 16°C hingga 20°C dan kelembapan bandingan adalah di antara 25% hingga 35%.

3.2.1. Mudah Terdedah Kepada Tindak Balas Kimia

Tindak balas kimia boleh berlaku sekiranya bahan audiovisual tidak disimpan, dipelihara dan dikendalikan dengan baik. Kebanyakan *carrier* audiovisual akan melalui proses kimia terutama dalam menghasilkan imej. Proses ini akan menyebabkan *carrier* audiovisual mempunyai kandungan kimia

yang tinggi dan ini akan menghasilkan tindak balas kimia dan degradasi terutamanya apabila suhu dan kelembapan tidak stabil. Tindak balas dan degradasi yang berlaku selalunya akan menghasilkan *vinegar syndrome*, warna filem menjadi pudar dan sebagainya. Ini akan membawa kepada kerosakan bahan tersebut dalam tempoh masa tertentu dan seterusnya memendekkan jangka hayatnya.

3.3. Ciri-ciri Intelektual

3.3.1. Karya (*Work*)

Karya (*work*) bermaksud imej dan bunyi yang dihasilkan melalui proses memasukkan atau merakamkan atau menawan imej dan/atau bunyi ke dalam *carrier*, misalnya filem, cakera, pita rakaman dan sebagainya. Karya terdapat dalam pelbagai format seperti simfoni, lagu pop, filem cetera (*feature film*), episod program televisyen atau radio, iklan televisyen, rakaman sejarah lisan dan sebagainya. Seseorang itu dapat melihat, mendengar dan menghayati imej dan/atau bunyi melalui karya tersebut dan bukannya melalui entiti fizikalnya. Ia boleh dilakukan melalui penggunaan mesin dan peralatan elektronik seperti televisyen, radio, projektor dan komputer.

Setiap karya dikenal pasti keunikannya melalui tajuk termasuk tarikh ia diluluskan dan diterbitkan. Ia juga perlu mempunyai hubungan dengan semua maklumat tambahan (*subordinate information*) seperti maklumat berkaitan *carrier*, kemasukan katalog (*cataloguing entry*), maklumat lengkap mengenai transaksi pemerolehan dan hak cipta terpelihara, maklumat *provenance*, data mengenai bahan yang berkaitan dengannya, dokumen pemeriksaan dan penyalinan serta perincian mengenai salinan-salinan untuk tujuan akses dan *kerja (duping)*.

3.3.2. Konteks (*the Context*)

Sesuatu karya itu biasanya mempunyai konteks. Terdapat tiga aspek utama konteks sesuatu rekod/bahan audiovisual, iaitu:

- i. maklumat kontekstual boleh didapati dalam rekod/bahan audiovisual (contohnya tandatangan pegawai eksekutif);
- ii. wujud hubungan antara sesuatu rekod/bahan audiovisual dengan rekod/bahan audiovisual lain yang ada kaitan; dan
- iii. terdapat aktiviti yang mewujudkan sesuatu rekod/bahan audiovisual.

Maklumat kontekstual mengaitkan rekod/bahan audiovisual dengan persekitaran pentadbiran dan fungsi (aktiviti, proses) yang mewujudkan rekod/bahan audiovisual tersebut dan juga dengan rekod/bahan audiovisual lain. Ia bertujuan menyediakan maklumat yang perlu bagi:

- i. memahami sepenuhnya sesuatu rekod/bahan audiovisual;
- ii. memahami sepenuhnya aktiviti dan urusan yang berkaitan dengan sesuatu rekod/bahan audiovisual (contohnya tanggungjawab, akauntabiliti dan sebagainya);
- iii. menerangkan sesuatu proses yang berkaitan dengan rekod/bahan audiovisual (contohnya penilaian, pemindahan rekod dan sebagainya);
- iv. pengurusan dan pemeliharaan rekod/bahan audiovisual yang berkesan; dan
- v. mendapatkan semula dan mengakses rekod/bahan audiovisual dengan berkesan.

Maklumat kontekstual juga membolehkan kesahihan, keandalan dan keutuhan rekod/maklumat dalam bahan audiovisual dibuktikan dan ia sangat penting.

Oleh itu, bagi memahami sepenuhnya karya tersebut, konteksnya perlu dipelihara, iaitu dengan mengumpulkan dan memelihara bahan-bahan yang berkaitan dengannya. Ini bermaksud bahawa sekiranya institusi/arkib audiovisual menyimpan bahan audiovisual dalam bentuk filem maka bahan-bahan sokongan filem seperti skrip, poster, senarai nama pelakon dan krew yang terlibat, bahan-bahan berkaitan promosi filem tersebut dan sebagainya perlu juga disimpan dan dipelihara.

3.4. Ciri-ciri Format

3.4.1. Terdedah Kepada Kemajuan Format (*Format Progression*)

Media audiovisual mengandungi format yang tertentu dan terdedah kepada kemajuan format yang sentiasa berubah mengikut peredaran zaman. Apabila sesuatu format itu tidak digunakan lagi dan teknologinya tidak lagi disokong oleh industri, maka ia haruslah dikekalkan dalam arkib audiovisual atau dipindahkan ke format yang baharu melalui kaedah penyalinan supaya ia boleh diakses selama-lamanya mengikut kemajuan format yang berlaku.

Oleh itu, arkib audiovisual perlu melaksanakan prinsip keselarian, iaitu menyimpan karya yang sama dalam pelbagai salinan, contohnya sebagai bahan untuk pemeliharaan atau salinan utama (*master copy*), *intermediate copy* dan salinan untuk akses (*access copy*). Walau bagaimanapun, penyalinan ke dalam format yang lain biasanya melibatkan kemerosotan

kualiti dan ini tidak begitu baik dan sesuai dari segi pemeliharaan bahan tersebut.

4. PRINSIP PEROLEHAN DAN PEMELIHARAAN BAHAN AUDIOVISUAL

Bagi memastikan bahan audiovisual yang dikumpul, disimpan dan dipelihara dapat dimanfaatkan dalam jangka masa panjang atau disimpan kekal, prinsip berikut perlulah diambil perhatian, iaitu:

4.1. Prinsip Asas Pemilihan (*Essentiality of Selection*)

Kita perlu membuat penilaian/keputusan yang tepat tentang bahan audiovisual yang boleh dan tidak boleh dipilih untuk dikumpul atau disimpan. Asas pemilihan bahan audiovisual perlulah memenuhi kriteria berikut:

- i. kandungan maklumatnya;
- ii. *carriemya*; dan
- iii. nilai estetika kandungannya (*aesthetic content*).

Selain daripada mengumpulkan bahan yang dihasilkan oleh institusi lain, arkib audiovisual juga boleh mewujudkan bahan tersebut.

4.2. Prinsip *Carrier*/Kandungan (*Carrier/Content Principle*)

Setiap bahan audiovisual mempunyai *carrier* dan kandungan. Ini akan mempengaruhi kaedah pemeliharaan dan akses terhadapnya. Oleh itu, kita harus mengasingkan *carrier*, iaitu bahan fizikal (fizikal filem, cakera atau pita) dari karya (*work*), kandungan (*content*) atau rakaman (bunyi dan/atau imej yang dimasukkan secara bersama di dalamnya) bagi memastikan kelangsungan hayat kandungannya dan kehilangan maklumat yang paling minimum. Ketidakstabilan *carrier* pada setiap bahan audiovisual memerlukan bunyi/imej yang terdapat padanya dipindahkan ke dalam format atau media lain.

Ia boleh dilakukan melalui kaedah penyalinan semula, iaitu sekiranya kita dapat mengesan sesuatu media audiovisual tersebut hampir rosak atau mungkin tidak boleh dilihat dan/atau didengar kesan daripada kemajuan format, maka kita perlu melakukan penyalinan ke dalam format lain supaya ia boleh diakses.

Walau bagaimanapun, kehilangan maklumat imej/bunyi yang signifikan dan kualiti yang terdapat dalam *carrier* asal mungkin tidak dapat dielakkan walaupun menggunakan kaedah pembaikan (*restoration*) dan kemahiran teknikal yang tinggi.

4.3. Prinsip Kualiti (*Quality Principle*)

Kualiti imej dan/atau bunyi perlulah dijaga sebaik mungkin. Sesuatu kehilangan/kemerosotan kualiti imej dan/atau bunyi melalui *carrier* yang rendah kualitinya atau penyalinan yang tidak bermutu akan menyebabkan kehilangan kualiti imej atau bunyi serta maklumat penting. Oleh kerana itu, dalam proses penyalinan imej atau bunyi perlu ditekankan aspek kualiti yang melibatkan seni, sains dan kerja teknikal. Ini hanya boleh diperolehi dari kemahiran dan kepakaran. Di samping itu, manipulasi terhadap kesan imej atau bunyi semasa proses penyalinan akan menyebabkan perubahan kekal kepada kandungan/karyanya (*work*).

4.4. Prinsip Kelangsungan Hayat (*Survival Principle*)

Tujuan penubuhan arkib audiovisual adalah untuk memelihara bahan audiovisual agar dapat diakses dalam jangka masa panjang. Oleh itu, pemeliharaannya tidak boleh diambil mudah dan perlulah mengikut kaedah dan persekitaran yang sesuai bagi memastikan kelangsungan hayatnya. Langkah-langkah pemeliharaan dan pengaksesan yang terkawal dapat menjamin kelangsungan hayat bahan audiovisual. Ia boleh dilakukan melalui penentuan kaedah pemeliharaan yang sesuai dan penggubalan peraturan dan prosedur pengaksesan.

4.5. Prinsip Keselarian (*Paralleling Principle*)

Karya (*work*) bahan audiovisual yang sama perlu disimpan dalam pelbagai bentuk salinan untuk pelbagai tujuan, iaitu bagi tujuan pemeliharaan, penyalinan (*duplicating*) dan akses. Salinan untuk pemeliharaan haruslah disimpan dalam persekitaran yang dijaga suhu dan kelembapannya serta tidak diubah tempat penyimpanannya, manakala hanya bahan salinan untuk akses boleh dibuat penyalinan seterusnya.

4.6. Prinsip Kawalan/Pengkatalogan (*Control/Cataloguing Principle*)

Kawalan yang sistematik perlu dilakukan terhadap bahan audiovisual, iaitu dengan melaksanakan pengkatalogan, penyenaian dan pandu cari. Pengkatalogan merupakan proses penyediaan deskripsi intelektual mengenai kandungan bahan audiovisual yang boleh menjadi panduan untuk mengakses dan memudahkan capaian bahan.

Bahan audiovisual haruslah diletakkan di bawah kawalan inventori atau pengurusan bahan (*housekeeping*) supaya pengurusan koleksinya dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan.

4.7. Prinsip Pendokumentasian

Pendokumentasian secara terperinci perlu dilakukan terhadap proses perolehan, penyimpanan, pemeliharaan dan pengaksesan bahan audiovisual. Pendokumentasian perlu dilakukan dengan tepat dan betul. Contohnya sesuatu bahan yang rosak perlu didokumentasikan/dicatatkan kerosakannya dengan betul dan tepat tentang kerosakan tersebut. Ini bagi memudahkan pelaksanaan kaedah/langkah pemeliharaan dan pemuliharaan.

5. PENUTUP

Pemahaman mengenai definisi, konsep, prinsip dan ciri bahan audiovisual adalah penting bagi membolehkan pegawai Arkib Negara Malaysia yang terlibat menguruskan dan memelihara bahan audiovisual dengan baik dan berkesan. Oleh itu, diharapkan kertas ini dapat memberikan gambaran umum mengenai audiovisual kepada semua pegawai dan seterusnya boleh dijadikan garis panduan dalam penyediaan dasar, panduan dan sebagainya.

Disediakan oleh:

**Seksyen Arkib Pandang Dengar
Bahagian Pengurusan Arkib
Arkib Negara Malaysia.**

Ogos 2009

Senarai Penjelasan

1. Arkib Audiovisual

- i. **Article 1b:** *Audiovisual refers to moving images and/or recorded sounds, registered on film, magnetic tape, disc, or any other medium now known or to be invented.*
- ii. **Article 1c:** *Archives refers to an organization or unit of an organization which is focused on collecting, managing, preserving and providing access to or making use of a collection of audiovisual and related materials. The term includes government and non-government, commercial and cultural organizations which pursue these four functions. The rules (under the constitution) may provides for the precise application of this definition in determining eligibility for membership.¹*

2. Bahan Audiovisual

Audiovisual archives can be as varied as the materials themselves. The materials can be roughly classified into what we can term 'visual materials' – the moving visual of film and the still photographs – and the 'sound recordings'.²

3. Cakera Padat (Compact Disc – CD)

Cakera padat adalah cakera optik yang digunakan bagi menyimpan data digital yang pada asalnya dibangunkan bagi menyimpan bunyi digital. Cakera padat diperbuat daripada plastik polikarbonat setebal 1.2 mm dan dilapisi dengan lapisan aluminium amat tulin yang sangat nipis yang dilindungi oleh lapisan *lacquer*. *Lacquer* boleh dicetak dengan label. Teknologi cakera padat kemudian diubah suai untuk dijadikan peranti storan data yang dikenali

¹ Edmondson, Ray. Perlembagaan SEAPAVAA, dalam A Philosophy of Audiovisual Archiving. Paris: UNESCO. 1998.

² Harrison, Helen P. Audiovisual Archives: A Practical Reader. 1997

sebagai CD-ROM dan merangkumi media perakaman tunggal serta perakaman berbilang kali (CD-R dan CD-RW).³

4. Cakera Digital Video (*Digital Versatile Disc/Digital Video Disc – DVD*)

Merupakan sejenis format media storan cakera optik yang popular. Kegunaan utamanya adalah untuk penyimpanan video dan data. Kebanyakan DVD sama dimensinya dengan cakera padat (CD) tetapi boleh menyimpan enam kali lebih data berbanding CD. Kelainan-kelainan istilah DVD menghuraikan cara data disimpan dalam cakera, iaitu:

- i. DVD-ROM mengandungi data yang hanya boleh dibaca dan tidak boleh ditulis;
- ii. DVD-R dan DVD+R boleh ditulis sekali kemudian berfungsi seperti DVD-ROM; dan
- iii. DVD-RAM, DVD-RW atau DVD+RW menyimpan data yang boleh dipadamkan dan ditulis semula banyak kali.

Cakera DVD-Video dan DVD-Audio masing-masing merupakan kandungan video dan audio yang diformat dan distrukturkan dengan betul.⁴

5. Cakera Padat Video (*Video Compact Disc – VCD*)

Merupakan format digital untuk menyimpan video ke dalam cakera padat. VCD boleh dimainkan dengan menggunakan pemain VCD, komputer peribadi, pemain DVD serta sesetengah konsol permainan video.⁵

6. Filem

Filem merupakan alat perakam cahaya. Ia berbentuk sebuah lingkaran plastik yang mempunyai campuran bahan kimia yang sensitif terhadap perubahan cahaya. Kelajuan filem menunjukkan kepekaan filem tersebut terhadap cahaya. Filem terdapat dalam pelbagai ukuran, contohnya 35mm, 16mm dan

³ http://ms.wikipedia.org/wiki/Cakera_padat

⁴ Ibid.

⁵ Ibid.

8mm. Perkataan 'filem' datangnya dari filem fotografi/pita filem yang merupakan perantara utama wayang dicetak.

7. Filem Asitat

Filem asitat merupakan dasar filem yang menggunakan asitat untuk lut sinar dasar filem (*film base*). Mula diperkenalkan pada awal tahun 1909 dan masih digunakan hingga kini. Ia lebih selamat dan dikenali sebagai *safety film*. Biasanya ia digunakan dalam filem berukuran 35mm, 28mm, 16mm, 9.5mm, 8mm (*regular*) dan 8mm (*super*).⁶

8. Filem Nitrat

Apabila *motion picture film* diperkenalkan pada tahun 1893 dan digunakan sehingga awal 1850an, nitrat selulos merupakan bahan yang paling sesuai dan tahan lama untuk plastik lut sinar dasar filem (*film base*) bagi kamera dan projektor filem. Namun, nitrat sangat berbahaya kerana ia mudah terbakar terutama apabila terdedah kepada suhu yang tinggi. Ia juga boleh menyebabkan berlaku pencemaran asid nitrik. Ia digunakan dalam filem berukuran 35mm.⁷

9. Filem Polister

Mula diperkenalkan oleh Kodak pada pertengahan tahun 1950an. Sehingga kini, filem polister lebih teguh, kuat, stabil dan senang dikendalikan. Di Amerika Syarikat, ia digunakan untuk filem 35mm. Filem polister tidak boleh dilakukan penyambungan menggunakan simen filem, sebaliknya menggunakan pita penyambung atau penyambung ultrasonik.⁸

⁶ _____ . The Film Preservation Guide: The Basic For Archives, Libraries and Museums. California: National Film Preservation Foundation.2004.

⁷ Ibid.

⁸ Ibid.

10. Kaset/Pita Rakaman (*Compact Cassette*)

The compact cassette, often referred to as audio cassette, cassette tape, cassette, or simply tape, is a magnetic tape sound recording format. Although originally designed for dictation, improvements in fidelity led the compact cassette to supplant reel-to-reel tape recording in most non-professional applications. Its uses ranged from portable audio to home recording to data storage for early microcomputers. Between the early 1970s and late 1990s, the cassette was one of the two most common formats for prerecorded music, first alongside the LP and later the compact disc. Cassette is a French word meaning "little box."

Compact cassettes consist of two miniature spools, between which a magnetically coated plastic tape is passed and wound. These spools and their attendant parts are held inside a protective plastic shell. Two stereo pairs of tracks (four total) or two monaural audio tracks are available on the tape; one stereo pair or one monophonic track is played or recorded when the tape is moving in one direction and the second pair when moving in the other direction. This reversal is achieved either by manually flipping the cassette or by having the machine itself change the direction of tape movement ("auto-reverse").

Cassette tapes are made of a polyester type plastic film with a magnetic coating. The original magnetic material was based on gamma ferric oxide (Fe_2O_3). Circa 1970, 3M Company developed a cobalt volume-doping process combined with a double-coating technique to enhance overall tape output levels. This product was marketed as "High Energy" under its Scotch brand of recording tapes. Inexpensive cassettes are commonly labeled "low-noise," but typically are not optimized for high frequency response.

Tape length is usually measured in minutes of total playing time. The most popular varieties are C46 (23 minutes per side), C60 (30 minutes per side), C90, and C120. The C46 and C60 lengths are typically 15-16 μm thick, but C90s are 10-11 μm and C120s are just 9 μm thick, rendering them more susceptible to stretching or breakage. Some vendors are more generous than

others, providing 132 meters or 135 meters rather than 129 meters of tape for a C90 cassette. C180 and even C240 tapes were available at one time, but these were extremely thin and fragile and suffered badly from effects such as print-through, which made them unsuitable for general use.

11. Media Audiovisual

- i. *“there are many definitions of, and assumptions about, this term, which is variously seen to encompass (a) moving images, both film and electronic (b) audio-slide presentations (c) moving images and/or recorded sounds in various formats (d) radio and television (e) still photographs and graphics (f) video games (g) CD ROM multimedia (h) anything projected on a screen (i) all of these.”*
- ii. *Audiovisual media are works comprising reproducible images and/or sounds embodied in a carrier, whose:*
 - *recording, transmission, perception and comprehension usually requires a technological device*
 - *visual and/or sonic content has linear duration*
 - *purpose is the communication of that content, rather than use of the technology for other purpose.*⁹

12. Piring Hitam

Piring hitam juga dikenali sebagai rekod gramofon, rekod fonograf atau rekod. Ia merujuk kepada kepingan peranti storan bahan audio berekod. Piring hitam yang diperbuat daripada PVC dikenali sebagai rekod vinil. Ia terdapat dalam pelbagai versi, antaranya:

- i. SP (*Single Play*) – memuatkan satu atau dua lagu sahaja;
- ii. EP (*Extended Play*) – memuatkan empat (4) lagu; dan
- iii. LP (*Long Play*) – memuatkan lebih daripada empat (4) lagu.

Penghasilan piring hitam telah mengalami kemajuan dengan wujudnya cakera gramofon yang dikatakan direka oleh Emile Berliner dan diperkenalkan ke Amerika Syarikat secara komersil pada tahun 1889. Cakera gramofon lebih

⁹ Edmondson, Ray. *A Philosophy of Audiovisual Archiving*. Paris: UNESCO. 1998.

mudah untuk dikilangkan, diangkut dan disimpan serta mempunyai matlamat tambahan bahawa ia dapat dirakam dan dimainkan pada kedua-dua belahnya, sebaliknya silinder hanya mempunyai satu sisi yang tunggal.

13. Pita Magnetik

Pita magnetik merupakan lapisan asetat atau polister yang nipis dan dilapisi dengan satu lapisan salutan logam. Biasanya ia digulungkan dalam bekas petak yang boleh merakam isyarat audio atau imej dan boleh dimainkan semula dengan menggunakan perakam atau alat pemain kaset atau video.

14. Pita Video

Pita video merakamkan imej dan bunyi dalam pita magnet. Biasanya kepala video berimbans helikal berputar pada pita yang bergerak untuk merakamkan data dalam dua dimensi kerana isyarat video sangat tinggi lebar jalurnya dan kepala statik pula memerlukan kelajuan pita yang amat tinggi. Pita video digunakan dalam perakam kaset video (VCR) dan kamera video. Pita video menyimpan maklumat secara linear. Perkembangan teknologi menyebabkan kebanyakan rakaman video dilakukan dalam bentuk digital. Pita video beransur-ansur pudar kepentingannya dan semakin digantikan kaedah penyimpanan data video digital yang bukan linear atau capaian rawak.

15. Warisan Audiovisual

- (a) *Recorded sound, radio, film, television, video or other productions comprising moving images and/or recorded sounds, whether or not primarily intended for public release.*
- (b) *Objects, materials, works and intangibles relating to the audiovisual media, whether seen from a technical, industrial, cultural, historical or other viewpoint; this shall include material relating to the film, broadcasting and recording industries, such as literature, scripts, stills, posters, advertising materials, manuscripts and artifacts such as technical equipment or costumes.*

- (c) *Concepts such as the perpetuation of obsolescent skills and environments associated with the reproduction and presentation of these media.*¹⁰

¹⁰ _____ . Time in our hands. Canberra: National Film and Sound Archives of Australia. 1985 & Kofler, Birgit. Legal Questions Facing Audiovisual Archives. Paris: UNESCO. 1991.

Senarai Rujukan

Edmondson, Ray. **A Philosophy of Audiovisual Archiving**. Paris: General Information Programme and UNISIST, UNESCO. 1998.

Edmondson, Ray. **SEAPAVAA Manual for AV Archives: An Outline Prepared for UNESCO**. 2002.

Harison, Helen P. **Audiovisual Archives: A Practical Reader**. 1997.

Kofler, Birgit. **Legal Questions Facing Audiovisual Archives**. Paris: UNESCO. 1991.

Time in Our Hands. National Film and Sound Archives of Australia. 1985.

Jawatankuasa Rekod Semasa Dalam Persekitaran Elektronik, Majlis Arkib Antarabangsa. **Rekod Elektronik: Buku Kerja Untuk Arkivis**. Paris. April 2005.